



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

KURSUS PENGURUSAN DISIPLIN DAN TATATERTIB STAF (AKTA 605)

Haslida Hassan

Ketua

Unit Integriti

Pejabat Naib Canselor UPM

27 Februari 2017



KANDUNGAN

1

Konsep Tahan Kerja dan Gantung Kerja

Pelaksanaan dan Gantung Kerja (Peraturan 45)

Penahanan Kerja (Peraturan 46)

2

Hukuman dan Rayuan Tatatertib

Jenis Hukuman Tatatertib

3

Surcaj

Definisi Surcaj

Alasan bagi Surcaj (Seksyen 14) , Pengenaan Surcaj

Penarikan balik Surcaj (Seksyen 18)

4

Penamatan Demi Kepentingan Awam



OBJEKTIF KURSUS

1 Memberi kefahaman tentang peraturan tata tertib dan jenis hukuman yang dikenakan

2 Memberi penjelasan kepada peserta mengenai keperluan dan kepentingan prosedur pengurusan tata tertib

3 Meningkatkan kemahiran mengurus dan mengatur hal ehwal tata tertib di peringkat Jabatan



Tatatertib: 5,778 penjawat awam dibuang kerja

Oleh Nazura Ngah; Haryani Ngah dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Tweet

Suka Kongsi 13 K

G+ 0

KUALA LUMPUR: Seramai 5,778 orang atau 18.5 peratus daripada 31,230 penjawat awam yang dikenakan tindakan tatatertib bagi tempoh 2010 hingga Julai lalu, dibuang kerja.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata bagi tempoh sama 152 penjawat awam diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan.

Di samping itu, katanya seramai 1,168 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan, manakala 2,369 ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan.

"Seramai 4,370 penjawat awam dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan, manakala 4,295 orang dikenakan denda maksimum tujuh hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan.

"Seramai 13,104 penjawat awam diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Er Teck Hwa (DAP-Bakri) meminta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan awam yang melanggar tatatertib diberikan amaran, digantung gaji dan pangkat, dilucutkan jawatan dan pencen atau ganjaran mengikut pecahan jenis kesalahan, gred jawatan dan kementerian dari tahun 2010 hingga 2016.

Teks jawapan Azalina dibacakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan.



SALAH GUNA KUASA PROJEK TERNAKAN IKAN STURGEON



Gambar Airi dan kanan menunjukkan selat besar ikan yang dirampas dalam Operasi Cawar oleh SPRM.

SALAH GUNA KUASA PROJEK FELDA

Bekas pengarah besar, bekas timbalannya antara 5 ditahan SPRM disyaki menyalahguna kedudukan projek ternak ikan Sturgeon bernilai RM47.6 juta **Ms.6**



Kereta mewah turut dirampas dalam Operasi Cawar

Bekas Pengarah Besar FELDA antara lima kena tahan

● Lulus bayaran RM47.6 juta kepada syarikat sendiri tanpa pengetahuan lembaga pengarah

Oleh Hafeez Aziz
ahaf@utusan.com.my
• Waiklu Lumpur

Lima individu termasuk bekas pengarah FELDA, bekas Timbalan Pengarah Besar Pengurusan Sumber (TPGS) FELDA, pegawai projek perikanan terdahulu yang berkhidmat di FELDA, dan bekas Pegawai FELDA, di tahan. Pegawai FELDA, di tahan. Pegawai FELDA, di tahan.

tersebut sebagai Pegawai POK, "Menerusi suratku itu, satu perjanjian dibantahkannya dengan saya sebagai perantara di Bank Wawasan di Korea, bernilai AS\$45 juta (RM242.566).

Pelaksanaan projek
sebelum berakhir, pada Januari 2013, satu perjanjian berhubung projek itu yang ditandatangani dengan saya sebagai Timbalan Pengarah Besar, ditanda tangani oleh pegawai projek tersebut. Perjanjian itu, ditanda tangani oleh pegawai projek tersebut. Perjanjian itu, ditanda tangani oleh pegawai projek tersebut.

Info

Projek Sturgeon
Projek Sturgeon yang bernilai RM47.6 juta dibantahkannya dengan saya sebagai perantara di Bank Wawasan di Korea, bernilai AS\$45 juta (RM242.566).

FELDA kemudian menandatangani perjanjian dengan saya sebagai perantara di Bank Wawasan di Korea, bernilai AS\$45 juta (RM242.566).

FELDA kemudian menandatangani perjanjian dengan saya sebagai perantara di Bank Wawasan di Korea, bernilai AS\$45 juta (RM242.566).



Kereta mewah turut dirampas dalam Operasi Cawar

tersebut sebagai Pegawai POK, "Menerusi suratku itu, satu perjanjian dibantahkannya dengan saya sebagai perantara di Bank Wawasan di Korea, bernilai AS\$45 juta (RM242.566).

Pelaksanaan projek
sebelum berakhir, pada Januari 2013, satu perjanjian berhubung projek itu yang ditandatangani dengan saya sebagai Timbalan Pengarah Besar, ditanda tangani oleh pegawai projek tersebut. Perjanjian itu, ditanda tangani oleh pegawai projek tersebut.

KSN: Jangan main golf dengan pihak berkepentingan »3



Jangan main golf dengan pihak berkepentingan - KSN

UTUSAN MALAYSIA • RABU 11 JANUARI 2017

PUTRAJAYA 10 Jan. - Semua penjawat awam termasuk pegawai kanan kerajaan dilarang bermain golf atau terlibat mana-mana aktiviti dengan pihak kepentingan tertentu seperti kontraktor dan pembekal yang boleh membawa kepada gejala rasuah.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, pihak-pihak ini tidak akan berkompromi dengan kakitangan awam yang terlibat dalam rasuah dan mereka bakal berhadapan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta dikenakan tindakan tatatertib.

"Saya tahu ramai penjawat awam bermain golf, kalau pergi Kelab Golf Perkhidmatan Awam, ramai kakitangan berada di sana.

"Tetapi yang menjadi kesalahan adalah bermain golf dengan pihak berkepentingan tertentu. Saya nasihat kepada penjawat awam jangan berbuat demikian atau terlibat sebarang aktiviti membawa kepada rasuah," katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Penganugerahan Pegawai Pengurusan dan Profesional



ALI HAMSA menyampaikan kad pengesahan orang kurang upaya (OKU) kepada Qhaliff Rayyan Abdul Ain, 4, yang ditemani ibunya, Nuul Aini Ismail, 33, sebelum menyampaikan Tahun Baharu kepada warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

serta Kumpulan Pelaksana di sini hari ini. Dalam masa sama, Ali mendedahkan terdapat pegawai kerajaan pernah dikenakan tindakan tatatertib sebelum ini kerana bermain golf dengan pihak berkepentingan.

AHKAMAH

Bekas pegawai UITM didakwa kenuka tuntutan palsu

Butterworth: Seorang bekas pegawai Universiti Teknologi MARA (UITM) Pulau Pinang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Selayang, di sini semalam, atas dakwaan membuat tuntutan palsu RM2,500 pada Mei lalu.

Arif Hashim, 46, yang berkhidmat sebagai Ketua Unit Sukan UITM Pulau Pinang ketika kejadian, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sitarun Nisa Abdul Aziz.

Dia didakwa memperdayakan Pembantu Tadbir Kewangan Kanan UITM Pulau Pinang dengan membuat pernyataan palsu bernilai RM2,500 kepada bekas pegawai peralatan Gimnasium Perdana ke Bangunan Zamanah oleh Syarikat Terusan Al-Bekki dengan jumlah RM2,500 di pejabat unit sukam kampus berkenaan.

Dibenar ikat jamin RM5,000
Arif didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dibukum mengikut Seksyen 24 akta sama. Jika sabit kesalahan boleh dipidana sebatang denda atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Terdahulu, dia mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan kali pertama, namun menyangkal kerana mendakwa tidak bersalah selepas mahkamah berhenti rehat 30 minit. Pengakuan dilakukan Timbalan Berdikwa Raya Saibani Ahmad Ghazali Ghazali Ahmad Nazri, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan lelaki itu diikat jamin RM5,000 dan menetapkan 16 Januari ini untuk pengurusan kes serta lantikan peguam.



PENAHANAN KERJA

Satu perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib berkenaan untuk menghalang seseorang staf daripada menjalankan tugas

Peraturan 45



PENAHANAN KERJA BAGI MAKSUD PENYIASATAN

Peraturan 45

Jika semunasabahnya disyaki melakukan :

- a) Kesalahan jenayah, atau
- b) Kesalahan tatatertib yang serius

Faktor yang diambil kira :

- a) Berkaitan dengan tugas rasmi; dan
- b) Kehadiran pegawai di pejabat akan mengendalikan
siasatan



PENAHANAN KERJA DI BAWAH PERATURAN 46

Boleh ditahan kerja

JIKA:

- a) Prosiding jenayah, telah dimulakan (kes disebut di Mahkamah); atau
- b) Prosiding tatatertib (wujud Prima Facie) dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat telah dimulakan



BAYARAN EMOLUMEN

TIDAK kurang setengah emolumennya

50% - 100%


TEMPOH

- SEHINGGA SELESAI KES/ DIGANTUNG KERJA
- ATAU SEHINGGA DIBUANG KERJA



BOLEHKAH PENAHANAN KERJA DIHENTIKAN?

Terhenti dengan
sendirinya JIKA:




- a) Prosiding jenayah,
dimulakan
- b) Tindakan tatatertib dengan
tujuan buang kerja atau
turun pangkat diambil
- c) Tiada kes tatatertib
diambil

FAKTOR YANG **DIAMBIL KIRA** **DALAM** **MENENTUKAN** **PENAHANAN** **KERJA :**

1. Sama ada **jenis kesalahan** secara langsung berhubung dengan tugas
2. Sama ada kehadiran pegawai di pejabat **akan menggendalakan penyiasatan**
3. Kehadiran ke pejabat boleh **memalukan atau menjejaskan nama atau imej** Jabatan
4. Menyebabkan Badan Berkanun **menanggung kerugian**





ADAKAH IA HUKUMAN TATATERTIB?



Ia adalah sebahagian
daripada Prosiding

KUASA UNTUK TAHAN DAN GANTUNG KERJA

Jawatankuasa Tatatertib (JKTT)
yang ada kuasa membuang kerja atau
turun pangkat



**TARIKH
KUATKUASA
PENAHANAN
KERJA :**



Prosiding **JENAYAH**

Boleh dikuatkuasakan dari **tarikh tangkapan**
atau **tarikh saman** disampaikan

Prosiding **TATATERTIB**

tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa
Tatatertib berkenaan

PENGGANTUNGAN KERJA

Hendaklah dibuat **jika:**

- a) Pegawai disabitkan oleh
mana-mana mahkamah jenayah; atau
- b) Suatu perintah tahanan atau sekatan di
bawah Peraturan 31 telah dibuat
terhadap pegawai

Peraturan 47



"I've been suspended without pay for three days."

KEDUDUKAN EMOLUMEN

- **TIDAK DIBENAR TERIMA APA-APA BAHAGIAN EMOLUMEN YANG TIDAK DIBAYAR DALAM TEMPOH TAHAN KERJA; DAN**
- **TIDAK BERHAK TERIMA APA-APA EMOLUMEN SEPANJANG TEMPOH GANTUNG KERJA**




ISU BERKAITAN

**TARIKH KUATKUASA
PENGGANTUNGAN KERJA**

BOLEHKAH PENGGANTUNGAN KERJA DIHENTIKAN

PERLUKAH PEGAWAI HADIR BERTUGAS?

**APAKAH STATUS PEGAWAI YANG
DIGANTUNG KERJA?**



SEKATAN DI BAWAH PERATURAN 51



- 1) PEGAWAI YANG DITAHAN ATAU DIGANTUNG KERJA TIDAK BOLEH MENINGGALKAN MALAYSIA TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PENERUSI PBT BERKENAAN**
- 2) JIKA BERKHIDMAT DI LUAR MALAYSIA, IA HENDAKLAH DIPANGGIL BALIK SEGERA**
- 3) JIKA TINGGALKAN MALAYSIA TANPA KEBENARAN EMOLUMEN DIHENTIKAN**

SURCAJ

Definisi

Tindakan mendapatkan balik wang bagi harta kerajaan yang hilang atau tidak dapat dikutip yang dikenakan terhadap penjawat awam yang bertanggungjawab terhadap perkara itu kerana kecuaiian, kelalaiannya, kesilapannya atau tindakan yang kurang berhati-hati semasa menjalankan tugasnya.



SURCAJ

ALASAN BAGI SURCAJ: Seksyen 14 Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

- a. Tidak atau telah gagal memungut apa-apa wang yang terhutang kepada badan berkanun yang dia telah dipertanggungjawabkan.**
- b. Telah bertanggungjawab bagi pembayaran yang tidak sepatutnya.**
- c. Bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung bagi apa-apa kekurangan, apa-apa wang, barang-barang simpanan atau harta lain.**
- d. Sebagai atau sebagai orang pernah menjadi seorang pegawai akaun, tidak atau telah gagal menyimpan atau memantau akaun atau rekod atau rekod sepatutnya bagi badan berkanun itu.**
- e. Tidak atau gagal untuk membuat apa-apa pembayaran atau adalah atau gagal bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan pembayaran wang kepada mana-mana orang di bawah mana-mana kontrak atau perjanjian.**



SURCAJ

PENGENAAN SURCAJ:

Notis supaya menunjukkan sebab:

“Notis tunjuk sebab hendaklah dikeluarkan meminta kenapa dia tidak sepatutnya disurcaj – Seksyen 15 Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj)2000.

Seksyen 16 “Jika sesuatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyampaian notis kepada seseorang di bawah Seksyen 15 Lembaga (Badan Berkanun itu) bolehlah:

- a. Peninggalan yang diperihalkan dalam perenggan 14 a,b,c mensurcaj terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut atau pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat atau nilai kekurangan harta atau nilai harta yang dimansuhkan
- b. Peninggalan perenggan 14 d dan e Lembaga boleh mensurcaj sejumlah wang yang difikirkan patut.



SURCAJ

Penarikan balik surcaj, Seksyen 18.

Penarikan balik boleh dibuat

Catatan Surcaj.

Surcaj dicatat di dalam Buku Rekod Perkhidmatan, Seksyen 19

Mendapatkan Surcaj Seksyen 20.

- a. Daripada gaji orang yang disurcaj,
- b. Daripada pencen orang yang disurcaj.

Surcaj tidak boleh menghalang Tindakan Tatatertib, Seksyen 22

Proses Mengambil Tindakan Surcaj sama dengan proses Kerja Tindakan Tatatertib Biasa.

Pegawai cuai kena bayar surcaj

Tindakan tatatertib termasuk tanggung akibat kehilangan aset kerajaan

Oleh Norfatimah Ahmad
malakian@my

PUTRAJAYA: Kementerian Kewangan akan menentukan kedudukan pegawai yang bertanggungjawab mengendalikankan projek bermasalah seperti di dedahkan Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata pegawai pengawal misalnya Ketua Setiausaha Kementerian Aian

ketua jabatan perlu merujuk kepada Ferbersiharahan untuk menentukan sama ada pegawai berkenaan perlu dikenakan tindakan dalaman.

"Jika didapati cuai hingga menyebabkan kerugian misalnya kehilangan aset kerajaan, pegawai terbabit boleh diarah membayar surcaj."

"Selain itu, tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai berkenaan sebagai pengajaran kepada kakitangan awam lain untuk tidak

mengulangi kesalahan sama," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini. Ambrin berkata, tindakan mengarah pegawai terbabit membayar surcaj boleh dikenakan mengikut Akta Akara Kewangan 1957 berdasarkan jadual tertentu, termasuk menerusi potongan gaji.

Selain itu, beliau berkata, pihak berwajib juga perlu membuat laporan polis jika tindakan pegawai terbabit dalam mengendalikankan program

dan projek kerajaan menjurus kepada kesalahan jenayah. Mengenal pegawai yang disesan cuai, beliau berkata, pihak berwajib juga perlu mengambili kira aspek pelbagai dengan tidak mengesykan leantugkinan individu terbabit sama ada sengaja atau tidak, membawa masalahnya ke pejabat.

"Jangan anggap semua penjawat awam macam robot, ada berhadapan masalah misalnya anak sakit, masalah peribadi dan lain-lain yang

menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas dengan berkesan, hilang tempuan atau muncik in menyeyewang dana awam," katanya.

Mengenal tahap penamatan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan kepada cadangan dikemukakan pihaknya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006, katanya, setakat ini, 70 peratus daripadanya sudah mematuhi saranan itu.

AKIBAT PENARIKAN BALIK SURCAJ

- 1) Amaun surcaj yang telah dibayar oleh Pegawai dikembalikan semula kepadanya.
- 2) Rekod surcaj dalam buku perkhidmatan kerajaan berkenaan hendaklah dihapuskan.

Pegawai cuai kena bayar surcaj

Tindakan tatatertib termasuk tanggung akibat kehilangan aset kerajaan

Oleh Norlailimah Ahmad
malakias@com.my

PUTRA JAYA: Kementerian Kewangan akan menutuskan kedudukan pegawai yang bertanggungjawab mengendalikankan projek bermasalah seperti di hadapan Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang, berkata pegawai pegawai misalnya kerana Setiasahu Kementerian akan

setia jabatan perlu merujuk kepada Perbendaharaan untuk menentukan sama ada pegawai berkenaan perlu dikenakan tindakan disaman.

"Jika didapati cuai hingga menyebabkan kerugian misalnya kehilangan aset kerajaan, pegawai tersebut boleh disaman membayar surcaj."

Selain itu, tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai berkenaan sebagai pengajaran kepada kakitangan awam lain untuk tidak

mengulangi kesalahan sama," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Amrin berkata, tindakan menjerah pegawai tersebut membayar surcaj boleh dikenakan mengikut Akta Acara Kewangan 1957 berdasar kan Jajital tertentu, termasuk menerusi potongan gaji.

Selain itu, beliau berkata, pihak berwajib juga perlu membuat laporan polis jika tindakan pegawai tersebut dalam mengendalikankan program

dan projek kerajaan menjurus kepada kesalahan jenayah.

Mengenai pegawai yang disaman cuai, beliau berkata, pihak berwajib juga perlu menaungi bil kira aspek psikologi dengan tidak mengesetipkan kemungkinan individu tersebut sama ada sengaja atau tidak, mem-bawa masalahnya ke pejabat.

"Jangan anggap semua pegawai awam macam robot, ada berdasarkan masalah misalnya anak sakit, masalah peribadi dan lain-lain yang

menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas dengan berkesan, hilang tun-puan atau mungkin hingga terorong untuk menyelesaikan dana awam," katanya.

Mengenai tahap pematu-han Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan kepada cadangan dikemukakan pe-haknya dalam Laporan Ke-tua Audit Negara 2006, ka-tanya, setakat ini, 70 peratus daripadanya sudah memu-hi seranan itu.

HUKUMAN TATATERTIB

P.40 Jika seseorang pegawai didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman yang berikut, bergantung kepada keseriusan itu, boleh dikenakan ke atas pegawai itu:

- (a) amaran;
- (b) denda;
- (c) lucut hak emolumen;
- (d) tangguh pergerakan gaji;
- (e) turun gaji;
- (f) turun pangkat;
- (g) buang kerja.



Peraturan 40

HUKUMAN TATATERTIB

Jawatankuasa Tatatertib
(**Bukan** Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat)

AMARAN

DENDA

LUCUT HAK EMOLOMEN

TANGGUH PERGERAKAN GAJI

TURUN GAJI

Jawatankuasa Tatatertib
(**Dengan** Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat)

AMARAN

DENDA

LUCUT HAK EMOLUMEN

TANGGUH PERGERAKAN GAJI

TURUN GAJI

TURUN PANGKAT

BUANG KERJA



PELAKSANAAN HUKUMAN

DENDA

Tidak boleh melebihi 7 hari emolumen

Dipotong dari emolumen bulanan

LUCUT HAK EMOLUMEN

Kes ketidakhadiran: lucut sebanyak hari tidak hadir bertugas

Dipotong dari emolumen bulanan

TANGGUH PERGERAKAN GAJI

Tempoh:

- 3 bulan
- 6 bulan
- 9 bulan
- 12 bulan

Pergerakan gaji TERUBAH kepada pergerakan gaji paling hampir selepas tamat hukuman - kekal

TURUN GAJI

Dalam jadual gaji yang sama

Tidak boleh lebih dari 3 pergerakan gaji dan tidak boleh di bawah gaji minimum

Tidak boleh kurang dari 12 bulan dan tidak boleh lebih dari 36 bulan

TURUN PANGKAT

Turun kepada grad yang lebih rendah dalam skim yang sama

Gaji hendaklah diturun kepada tiga mata gaji dan gaji baru pada grad turun pangkat adalah di bawah atau sama dengan gaji yang telah diturunkan.

IMPLIKASI HUKUMAN

Hukuman	Tempoh Tidak layak Untuk Pertimbangan Naik Pangkat
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tangguh Pergerakan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

HUKUMAN

BUANG KERJA ?



APA HAK PEGAWAI



RAYUAN TATATERTIB



**MESYUARAT JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB
(DENGAN TUJUAN BUANG KERJA ATAU TURUN PANGKAT) KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Tatacara Rayuan

Seseorang staf yang yang didapati bersalah terhadap sesuatu tuduhan dan dijatuhkan mana-mana hukuman di bawah Peraturan 40 Jadual Kedua, Akta 605 boleh membuat rayuan terhadap sabitan dan hukuman tersebut mengikut peruntukan Peraturan 20, Jadual Ketiga, Akta 605 secara bertulis melalui ketua jabatan staf tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh dia mengetahui keputusan Jawatankuasa Tatatertib.




BIDANG KUASA

JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB

- Menghantar balik kes untuk didengar semula oleh Jawatankuasa Tatatertib;
- Mengesahkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
- Mengesahkan sabitan tuduhan tetapi mengubah hukuman yang dikenakan kepada yang lebih ringan; atau
- Mengakas sabitan dan hukuman serta membebaskan staf tersebut.



PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM



Bermaksud perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan kerana perkhidmatannya sebagai penjawat awam tidak diperlukan lagi demi kepentingan awam merangkumi;

- Syarat-syarat perkhidmatan**
- Kegunaan pegawai itu kepada perkhidmatannya**
- Kerja dan kelakuan pegawai**
- Segala hal keadaan lain kes itu**


Sekiranya pegawai tidak dikeluarkan dari perkhidmatan awam, ianya akan menjejaskan kepentingan awam

PENAMATAN PERKHIDMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

- Peraturan 9(1), jika lembaga berpendapat atau representasi dibuat kepada kerajaan adalah wajar perkhidmatan seorang pegawai ditamatkan demi kepentingan awam kerajaan boleh meminta laporan penuh daripada ketua jabatan pegawai itu berkhidmat atau telah berkhidmat. Laporan hendaklah mengandungi prestasi kerja dan kelakuannya.
- Peraturan 10(1), adalah sah di sisi undang-undang bagi pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan memperakukan kepada lembaga bahawa perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan demi kepentingan awam.
- Peluang untuk didengar seksyen 11 di beri.
- Penamatan perkhidmatan bukan pembuangan kerja.



KESIMPULAN



Pegawai cuai kena bayar surcaj

Tindakan tatatertib termasuk tanggung akibat kehilangan aset kerajaan

Oleh Norfatimah Ahmad
nma@nu.nus.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kewangan akan menentukan kedudukan pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan projek bermasalah seperti didedahkan Laporan Ketua Audit Negara 2007.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata pegawai pengawal misalnya Ketua Setiausaha Kementerian atau

ketua jabatan perlu merujuk kepada Perbendaharaan untuk menentukan sama ada pegawai berkenaan perlu dikenakan tindakan dalaman.

"Jika didapati cuai hingga menyebabkan kerugian misalnya kehilangan aset kerajaan, pegawai terbabit boleh diarah membayar surcaj."

"Selain itu, tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai berkenaan sebagai pengajaran kepada kakitangan awam lain untuk tidak

mengulangi kesalahan sama," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Ambrin berkata, tindakan mengarah pegawai terbabit membayar surcaj boleh dikenakan mengikut Akta Acara Kewangan 1957 berdasarkan jadual tertentu, termasuk menerusi potongan gaji.

Selain itu, beliau berkata, pihak berwajib juga perlu membuat laporan polis jika tindakan pegawai terbabit dalam mengendalikan program

dan projek kerajaan menjurus kepada kesalahan jenayah. Mengenai pegawai yang dikesan cuai, beliau berkata, pihak berwajib juga perlu mengambil kira aspek psikologi dengan tidak menyetepikan kemungkinan individu terbabit sama ada sengaja atau tidak, membawa masalahnya ke pejabat.

"Jangan anggap semua penjawat awam macam robot, ada berhadapan masalah misalnya anak sakit, masalah peribadi dan lain-lain yang

menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas dengan berkesan, hilang tumpuan atau mungkin hingga terdorong untuk menyeleweng dana awam," katanya.

Mengenai tahap pematuhan Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan kepada cadangan dikemukakan pihaknya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006, katanya, setakat ini, 70 peratus daripadanya sudah mematuhi saranan itu.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Terima Kasih

Unit Integriti
Pejabat Naib Canselor
Aras 4 Bangunan Canselori Putra
43400 UPM Serdang Selangor
03 8947 2011/ 2017
pnc_integriti@upm.edu.my

